



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS PROSES KOGNISI DALAM TEKS KARANGAN BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH MELALUI KAEDAH HERMENEUTIK

HASNAN BIN ZAKARIA

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PEDAGOGI)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis proses kognisi dalam teks karangan Bahasa Melayu dalam kalangan murid tahun enam di sebuah sekolah kebangsaan di Klang. Objektif utama kajian ialah untuk mengenal pasti karangan yang cemerlang, baik dan memuaskan, masalah yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran karangan dan bagaimana proses kognisi mempengaruhi karangan yang dihasilkan oleh murid. Kaedah Hermeneutik sebagai metodologi kualitatif dan interpretif digunakan untuk menganalisis karangan murid. Dalam kajian ini sebanyak 38 sampel karangan daripada murid tahun enam dipilih untuk dianalisis. Proses kognisi yang dikenal pasti berlangsung sepanjang penghasilan karangan oleh murid ialah seperti proses mengingat semula, menyusun semula idea, mengaitkan idea dengan pengalaman lampau dan juga menyesuaikan maklumat tersebut dengan karangan yang dihasilkan. Hasil kajian juga mendapati bahawa murid dapat mencungkil dan memproses maklumat semasa menulis karangan dengan menghasilkan sebuah karangan yang cemerlang dan isi kandungannya mencapai tahap cemerlang. Manakala bagi karangan baik dan memuaskan memperlihatkan murid masih lagi sukar menggunakan proses kognisi mereka sewaktu menghasilkan karangan. Selain itu, hasil kajian ini juga didapati bahawa pengetahuan sedia ada murid daripada memori jangka panjang dan memori jangka pendek membolehkan murid menghasilkan karangan yang lebih cemerlang. Implikasi daripada kajian ini membolehkan komuniti pendidikan, khususnya guru sedar tentang kepentingan proses kognisi dalam penghasilan sesebuah karangan yang cemerlang.





ANALYSIS OF COGNITION PROCESS IN MALAY ESSAY WRITING AMONG YEAR 6 STUDENTS THROUGH HERMENEUTICS METHOD

ABSTRACT

This study aims to analyze the process of cognition in Malay essay writing for the year six pupils in a primary school in Klang. The main objective of the study is to identify excellent, good and satisfactory essays, the problems faced by teachers in the teaching of essay writing and how cognition process influences pupils' writing. Hermeneutics is used as a method of qualitative and interpretive methodology to analyze pupils' compositions. In this study, 38 samples of essays from pupils of standard six were selected for the analysis. The cognition process identified throughout the production of an essay by the pupils were the process of remembering, restructuring the ideas, associating the ideas with past experience and also customizing the information that is produced. The study also found that the pupils were able to extract and process the information when writing an essay in order to produce an excellent essay in which its contents managed to achieve excellent level. Meanwhile the good and satisfactory essays showed the pupils were still having difficulties to use their cognitive process to produce compositions. In addition, this study also indicated that pupils' prior knowledge of long-term and short term memories enabled them to produce better essays. The implication of this study allowed the educational community, especially teachers to be aware of the importance of cognitive processes in producing an excellent essay.



KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Kajian	2
1.2.1 Bahasa Melayu dan Proses Kognisi	6
1.2.2 Proses Menulis Karangan Bahasa Melayu	11
1.3 Pernyataan Masalah	13
1.4 Objektif Kajian	21
1.5 Soalan Kajian	21
1.6 Kerangka Konsep	22
1.7 Kepentingan Kajian	23
1.8 Batasan Kajian	24

1.9	Definisi Operasional	25
1.9.1	Proses Kognisi	25
1.9.2	Teks Karangan KBSR	26
1.9.3	Kaedah Hermeneutik	27
1.10	Rumusan	28

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	29
2.2	Teks Penulisan Karangan Bahasa Melayu KBSR	30
2.3	Pendekatan Penulisan Teks Karangan	33
2.3.1	Teori Kognitif	35
2.3.2	Teori Konstruktivisme	41
2.4	Proses Merancang, Menyusun dan Menulis Karangan	45
2.5	Proses Kognisi dalam Teks Karangan	47
2.5.1	Hubungan antara Kognisi dengan Teks Karangan	48
2.5.2	Peranan Kognisi Dalam Penulisan Teks Karangan	51
2.5.2.1	Daftar Sensori	52
2.5.2.2	Ingatan Jangka Pendek	53
2.5.2.3	Ingatan Jangka Panjang	55
2.6	Definisi Hermeneutik	56
2.6.1	Hermeneutik dan Epistemologi	57
2.6.2	Hubungan Hermeneutik dengan Ilmu Bahasa	58
2.6.3	Teori Hermeneutik	59
2.6.3.1	Friedrich Daniel Ernst Schleiermacher	59

2.6.3.2 Wilhelm Dilthey	60
2.7 Kaedah Pedagogi Hermeneutik	61
2.8 Kajian Dalam Negeri	63
2.9 Kajian Luar Negeri.	69
2.10 Rumusan	73

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	74
3.2 Rekabentuk Kajian	75
3.3 Tempat Kajian	76
3.4 Persampelan	76
3.5 Instrumen Kajian	77
3.6 Peraturan Pemarkahan Karangan oleh Guru Bahasa Melayu	78
3.7 Prosedur Menganalisis Karangan Melalui Kaedah Hermeneutik	81
3.7.1 Teks	81
3.7.2 Metateks	83
3.8 Rumusan	84

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	85
4.2 Analisis Karangan Bahasa Melayu Tahun 6 Menggunakan Kaedah hermeneutik.	86
4.3 Perbincangan Soalan Kajian Melalui Teks Temubual Guru	117
4.4 Rumusan	124

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	125
5.2	Ringkasan Kajian	126
5.3	Perbincangan Analisis Proses Kognisi dalam Pembelajaran Murid	127
5.4	Perbincangan Analisis Proses Kognisi dalam Pengajaran Guru	132
5.5	Implikasi Kajian	137
5.5.1	Implikasi Kajian Terhadap Murid	137
5.5.2	Implikasi Kajian Terhadap Guru	138
5.5.3	Implikasi Kajian Terhadap Ibubapa	140
5.5.4	Implikasi Kajian Terhadap Kementerian	141
5.6	Sumbangan	144
5.7	Rumusan	149

RUJUKAN	150
----------------	------------



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual

Muka Surat

3.1	Panduan Pemarkahan Karangan Bahagian B	80
4.1	Analisis Teks Karangan Cemerlang	87
4.2	Analisis Teks Karangan Baik	98
4.3	Analisis Teks Karangan Memuaskan	109
4.4	Teks Temu Bual Guru (Bertulis)	118
5.1	Peta Pemikiran dan Proses Pemikiran	146



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Kerangka Konsep	22
2.1	Teori Kognisi Mengenai Proses Mengingat (Schonfeld, 1987)	52
3.1	Rekabentuk Kajian	76
3.2	Tatacara Analisis Karangan Menggunakan Kaedah Hermeneutik	84



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

IPG	Institut Pendidikan Guru
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

1.11 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji menjelaskan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan akhir sekali dinyatakan juga definisi istilah operasional yang dijalankan oleh pengkaji.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



1.12 Latar belakang Kajian

Pendidikan di sekolah bukan sahaja melibatkan proses mengambil input yang dipelajari semata-mata, sebaliknya mampu mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam kehidupan seharian (Mahzan, 2003). Hal ini bersesuaian dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berhasrat menghasilkan insan berkualiti, iaitu mampu menggunakan kemahiran dan ilmu yang dipelajari di dalam bilik darjah sesuai dengan situasi yang dialami.

Bahasa merupakan alat perhubungan yang penting dalam kehidupan manusia (Ellis, 1994). Melalui bahasa seseorang itu dapat berkomunikasi dengan orang lain untuk menyampaikan kehendak, perasaan, pendapat, pengalaman, buah fikiran, pengetahuan, mendapatkan informasi, memahami orang lain dan sebagainya. Pembelajaran bahasa berlaku secara formal di sekolah-sekolah dan guru bertanggungjawab mengajar sebaik mungkin bahasa Melayu dan memastikan murid dapat menguasai kemahiran berbahasa dengan sebaik-baiknya.

Literasi umumnya dirujuk sebagai kebolehan minimum menggunakan kemahiran membaca dan menulis untuk memenuhi tuntutan kehidupan harian dan merupakan keperluan asasi setiap individu yang bergelar murid (Roselan Baki, 2003). Kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran bahasa yang turut ditekankan dalam Kurikulum Bersepadu Bahasa Melayu Sekolah Rendah, iaitu kurikulum lama yang disemak semula pada tahun 2002 dan dilaksanakan bermula pada tahun 2003. Kepentingan penulisan karangan tergambar dalam kurikulum Bahasa Melayu sebagai matapelajaran tersendiri.





Selain itu, sukatan pelajaran Bahasa Melayu yang mula dilaksanakan pada awal 2003 juga mengandungi tiga bidang kemahiran baru, iaitu komunikasi interpersonal, berfikir dan nilai. Menurut Abdullah Hassan (2004), sukatan pelajaran lama yang terdahulu tidak memberi tekanan kepada tiga kemahiran baru ini. Murid hanya diajarkan tatabahasa dan terpuanglah kepada murid tersebut menggunakan bahasa menurut tafsiran sendiri. Dalam kurikulum baru ini, kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh murid-murid kerana ia merupakan kemahiran yang paling kompleks.

Sehubungan itu, keupayaan membaca dan menulis merupakan suatu kemahiran yang menjadi punca atau asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam pelbagai disiplin ilmu di sekolah (Zamri, 2015). Boleh dikatakan semua matapelajaran yang diajarkan di sekolah memerlukan seseorang murid mahir berbahasa tidak kiralah membaca mahupun menulis. Kesukaran untuk menguasai kedua-dua kemahiran ini, pasti akan menyukarkan murid menguasai pembelajaran mereka dengan baik. Pencapaian dan kebolehan yang tinggi dalam kemahiran membaca dan menulis sudah pasti dapat meningkatkan penguasaan pembelajaran murid dalam Bahasa Melayu secara khususnya dan mata pelajaran yang lain secara amnya.

Menurut Noorazman Mahat (2009), murid perlu mahir menulis kerana hampir semua kertas peperiksaan di negara ini memerlukan murid menjawab dalam bentuk tulisan dan ada juga yang memerlukan jawapan yang panjang lebar dalam bentuk ayat. Murid yang tidak menguasai kemahiran menulis yang baik sering menghadapi masalah untuk menjawab soalan. Lantaran itu, murid perlu menguasai kemahiran menulis untuk menghuraikan data-data yang tepat, berupaya



menyusun jawapan dalam bentuk yang mudah, teratur dan meyakinkan. Sehubungan dengan itu, kemahiran menulis adalah penting dan perlu dilaksanakan berdasarkan penguasaan kemahiran menulis seseorang murid. Jika ianya tidak ditekankan dan diambil mudah sudah pasti murid akan ketinggalan dalam semua bidang.

Manakala menurut Suhaimi Yunus (2009), kemahiran menulis dilihat begitu penting dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu kerana ia mesti dikuasai oleh murid-murid untuk menduduki peperiksaan bertulis. Kemahiran menulis yang efektif amatlah penting untuk kejayaan akademik dalam sistem persekolahan di seluruh dunia. Ini kerana, jika dilihat secara keseluruhan proses pembelajaran itu sendiri, ia melibatkan proses menulis tidak kiralah apa juga subjek yang dipelajari oleh murid tersebut. Murid, sama ada suka ataupun tidak secara keseluruhannya perlu menguasai kemahiran menulis dengan baik.

Penekanan kemahiran menulis adalah fokus yang paling penting dan perlu dikuasai oleh individu yang bergelar murid. Kepentingan menguasai kemahiran ini telah dinyatakan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (KPM, 2003). Penekanan terhadap aspek kemahiran penulisan seperti yang diterap dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) bermula pada tahun 1998. Hal ini bagaimanapun tidak menjamin murid benar-benar menguasai aspek penulisan Bahasa Melayu.

Penguasaan menulis karangan sebenarnya banyak dipengaruhi oleh cara mereka berfikir (Mohd Nashuha Jamidin, 1995). Oleh yang demikian, penguasaan penulisan yang kurang memuaskan dalam kalangan murid perlu ditangani segera dalam mencapai hasrat Falsafah

Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan warganegara yang berkualiti demi memenuhi aspirasi negara menjelang tahun 2020. Murid perlu didedahkan dengan penulisan karangan yang betul dengan menggunakan kaedah yang bersesuaian dengan tahap murid tersebut.

Bagi kemahiran menulis, pengajaran pada tahap I sekolah rendah, iaitu Tahun 1 hingga Tahun 3, tertumpu pada kemahiran menulis asas, iaitu mengenal dan menulis abjad, mencantumkan menjadi kata, frasa dan ayat. Sementara tahap II sekolah rendah, iaitu Tahun 4 hingga Tahun 6, menekankan kemahiran menulis fungsian, iaitu untuk melahirkan idea dan perasaan bagi memenuhi fungsi komunikasi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Penekanan pengajaran kemahiran menulis amat penting bukan sahaja untuk tujuan pencarian ilmu pengetahuan, tetapi juga bagi memenuhi fungsi sosial dalam aktiviti kehidupan harian. Bagi tujuan itu, murid sekolah haruslah mencapai suatu tahap literasi yang sesuai untuk memenuhi kedua-dua fungsi berkenaan. Jika mereka tidak mampu menguasai kemahiran ini dengan baik mereka akan ketinggalan jauh berbanding murid yang dapat menguasainya dengan baik.

1.12.1 Bahasa Melayu dan Proses Kognisi

Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang sukar diajarkan dan dikuasai oleh murid (Nik Safiah, 2004) kerana penulisan melibatkan tahap literasi yang paling kompleks dan memerlukan proses kognisi yang tinggi (Roselan Baki, 2003). Ramai dalam kalangan guru yang tidak sedar bahawa bahasa berkait rapat dengan kognisi. Apa yang dinyatakan oleh murid adalah hasil daripada proses mereka mengenal, melihat, membayangkan dan merasai sesuatu perkara.



Menurut Rajendran (2000), proses kognisi menilai kebolehan seseorang dalam menentukan apa-apa yang diketahuinya dan tidak diketahuinya. Kognisi murid berkembang seiring dengan perkembangan otak mereka. Pada peringkat awal, bayi hanya menangis dan melakukan gerakan refleks untuk menyatakan keinginan mereka. Setelah usia satu bulan, barulah kanak-kanak akan mula mengembangkan cara untuk mengenali persekitaran mereka. Semakin bertambah umur, mereka mampu berfikir, mengamati sesuatu, mengerti dan memberi makna kepada sesuatu perkara dengan lebih baik. Seiring dengan itu, bahasa kanak-kanak semakin jelas dan difahami oleh orang yang lebih dewasa.

Justeru, dalam proses pemahaman manusia akan mengingat apa yang diujarkan atau dituliskan. Semua proses tersebut disebut proses kognisi. Proses kognisi adalah proses untuk memperoleh pengetahuan dalam kehidupan yang diperoleh melalui pengalaman (Lyle & Roger, 1986). Pengalaman yang dimaksudkan adalah pengalaman yang melibatkan panca indera iaitu penglihatan, pendengaran, sentuhan, rasa dan bau. Hasil gabungan ini seterusnya dikenali sebagai proses kognisi. Proses kognisi inilah sebenarnya yang mempengaruhi kemahiran berbahasa seseorang murid, tidak kiralah proses membaca mahupun menulis.

Bagi memahami dengan lebih terperinci mengenai proses kognisi ini, maka berkembanglah psikologi kognisi yang menyelidik tentang proses berfikir manusia. Proses berfikir tentunya melibatkan otak dan saraf-sarafnya sebagai alat berfikir manusia. Oleh kerana itu, untuk menyelidiki fungsi otak dalam berfikir, maka berkembanglah neurosains kognisi (Sternberg, 2003). Hasil-hasil penelitian yang dilakukan oleh kedua-dua bidang ilmu ini banyak dimanfaatkan



oleh ilmu robotik dalam mengembangkan kecerdasan buatan. Penyelidik mula mengkaji kepentingan kognisi dan proses berfikir manusia serta faedah-faedahnya kepada manusia sejagat.

Proses kognisi sebenarnya menggabungkan antara informasi yang diterima melalui pancaindera tubuh manusia dengan informasi yang telah disimpan dalam ingatan jangka panjang. Kedua informasi tersebut kemudiannya diolah dalam ingatan yang berfungsi sebagai tempat pemrosesan informasi (Clark, 2007). Kapasiti pengolahan ini dibataskan oleh kapasiti ingatan jangka panjang dan juga faktor masa. Proses seterusnya adalah pelaksanaan kepada tindakan yang telah dipilih. Tindakan dilakukan mencakupi proses kognisi dan juga proses fizikal dengan anggota tubuh manusia iaitu jari, tangan, kaki dan juga suara. Dalam proses menulis teks karangan, bolehlah ditafsirkan bahawa teks karangan yang terhasil adalah hasil daripada tindak balas proses kognisi yang berlangsung dalam minda murid tersebut.

Dalam proses menulis teks karangan pula, murid seringkali ditekankan oleh guru supaya menulis menggunakan penggunaan tatabahasa yang betul dan ditekankan dengan format menulis yang menjurus kepada hasil penulisan yang baik sahaja. Sebenarnya aktiviti dalam penulisan tidak hanya berkait dengan struktur penulisan mengikut format yang telah ditetapkan sahaja, malah apa yang lebih penting adalah penglibatan secara mental, iaitu aspek kognisi yang berkait dengan fungsi intelektual secara langsung. Tambahan pula, kognisi menjadikan seseorang lebih sedar tentang strategi yang digunakan dalam proses penyelesaian masalah. Proses kognisi yang dimaksudkan adalah apabila murid-murid dihadapkan kepada persoalan-persoalan yang menuntut kemampuan mereka untuk berfikir sepanjang menghasilkan teks karangan tersebut (Dromi, 1993).

Kognisi juga didefinisikan sebagai proses intelektual. Kognisi berkait rapat dengan informasi yang diperoleh, ditukar, disimpan, dicungkil dan diguna pakai (Lahey, 2009). Apabila diteliti definisi ini, ia merupakan satu proses yang menterjemah keadaan sekeliling kepada suatu yang boleh difahami melalui kognisi. Apabila informasi diperlukan, informasi akan dicungkil dan diguna pakai pada masa yang diperlukan. Jadi, setiap proses kognisi saling berhubung antara satu dengan yang lain.

Terdapat beberapa aspek kognisi yang diketengahkan oleh Lahey (2009). Pertama, kognisi melibatkan pemprosesan maklumat. Pemprosesan maklumat penting untuk memberi makna kepada apa yang dilihat, dirasa dan dibuat. Berdasarkan maklumat tersebut, kita bertindak dan memberi respons kepada alam sekitar. Kedua, kognisi merupakan suatu proses yang aktif. Proses yang aktif diperoleh melalui pancaindera (mata, telinga, hidung, lidah dan kulit), ditukar melalui persepsi dan pemikiran, disimpan dan dicungkil melalui proses memori dan diguna pakai melalui bahasa dan penyelesaian masalah.

Lahey (2009), juga menyatakan otak seterusnya memproses secara aktif maklumat yang diterima dan menukarkan maklumat kepada bentuk atau kategori baru. Ketiga, kognisi adalah berguna dan sangat diperlukan atau meneruskan kehidupan. Tanpa kognisi, kehidupan menjadi tidak bermakna. Contohnya, apabila kita mahu berkomunikasi dengan orang lain dan kita mempunyai masalah, kita akan mencari penyelesaian melalui proses penyelesaian masalah. Sepanjang proses penyelesaian masalah tersebut berlangsung ia sebenarnya melibatkan proses kognisi.

Menurut Brown (1980), kognisi mengandungi dua dimensi yang berkaitan iaitu pengetahuan kognisi dan proses kognisi. Pengetahuan kognisi ialah apa-apa yang kita ketahui tentang kognisi dan proses kognisi ialah bagaimana kita memahami proses kognisi tersebut. Proses Kognisi mengandungi tiga komponen, iaitu merancang bagi menetapkan matlamat, mengaktifkan latar belakang pengetahuan yang berkaitan dan merancang masa, pemantauan dan kemahiran penilaian sendiri perlu untuk mengawal pembelajaran, antaranya aktiviti membuat jangkaan atau berhenti seketika semasa membaca, strategi urutan dan memilih strategi pemulihan yang bersesuaian. Akhir sekali ialah penilaian, iaitu menghargai produk dan mengawal matlamat seseorang, mengkaji semula andaian dan menggabungkan pencapaian intelektual.

Selain itu, Brown (1980) juga menyatakan bahawa proses kognisi tidak seperti pengetahuan kognisi kerana sering tidak disedari dalam situasi pembelajaran. Proses kognisi berlaku secara automatik pada diri murid. Sebahagian daripada proses ini berkembang tanpa disedari dan sukar untuk dijelaskan kepada orang lain. Pengetahuan ini dikuasai secara beransur-ansur selaras dengan usia dan pengalaman individu tersebut. Kanak-kanak yang lebih dewasa menjadi murid yang lebih berjaya kerana mereka secara dalaman dari masa ke masa mempunyai lebih maklumat metakognitif. Hal ini disebabkan kanak-kanak muda kurang mampu untuk mengorganisasikan bahan dan kurang kesedaran tentang kepentingan berbuat demikian. Kemahiran metakognisi atau metamemori masih belum berkembang dalam diri mereka. Semakin banyak pengetahuan dan pengalaman yang bermakna semakin baik pula kemahiran kawalan diri dalam masa menjalankan aktiviti kognisi.

Oleh itu, semua guru sewajarnya faham bahawa gaya kognisi perlu diberi penekanan sepanjang penghasilan sesuatu teks karangan oleh seseorang murid. Proses kognisi merupakan satu rintangan yang besar terhadap perubahan. Kepentingan keperluan untuk mengenal pasti proses kognisi seseorang murid merupakan asas kepada pengajaran guru bagi memastikan guru dapat memahami dan seterusnya membantu murid menghasilkan teks karangan yang lebih baik. Hal ini menjadi semakin ketara apabila guru berhadapan dengan isu kepelbagaian murid yang mempunyai pelbagai keperluan. Untuk mengenal pasti proses kognisi murid, guru seharusnya menggunakan pelbagai instrumen untuk memahami proses kognisi yang dialami oleh murid tersebut sepanjang proses menghasilkan sesuatu teks karangan.

Selain itu juga, menurut Kellogg (2001), proses kognisi untuk menulis menekankan banyak perkara yang sama dengan aktiviti membaca, seperti pencarian makna dan mengembangkan strategi untuk memulakan penulisan. Kaedah menyelesaikan masalah, rujukan dan strategi metakognisi dianggap amat penting dalam meningkatkan kemampuan menulis seseorang murid. Proses ini banyak membantu dalam usaha untuk menghasilkan teks karangan yang baik oleh murid. Jika murid mampu menggunakan kemahiran kognisi yang ada dalam diri mereka, proses penulisan teks karangan akan berlangsung dengan baik dan teks karangan yang dihasilkan akan lebih berkualiti.

1.2.2 Proses Menulis Karangan Bahasa Melayu



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Peringkat pertama yang biasa berlaku dalam proses menulis teks karangan ialah peringkat perencanaan yang meliputi proses penyusunan tajuk dan mendapatkan maklumat berkaitan isi dan ini adalah aspek paling penting dalam bidang penulisan (Levy & Ransdell, 1996). Murid perlu diberi tahu kaedah yang betul untuk merencanakan sesuatu tajuk karangan yang ingin dikarang. Hal ini penting bagi memastikan murid betul-betul faham dengan tajuk yang ingin diolah dan seterusnya dapat memberikan makna yang baik kepada teks karangan yang diolah oleh mereka. Ini penting bagi memastikan murid tidak terpesong dari tajuk karangan yang dikehendaki.

Kebanyakan kaedah menulis teks karangan yang ditekankan di sekolah hanya melibatkan keupayaan mengajar murid kaedah menulis perkataan dan ayat menggunakan sitem bahasa yang betul sahaja. Akan tetapi, menulis sebenarnya bukan sekadar kemampuan menggunakan ayat-ayat yang gramatis dan penggunaan tatabahasa yang betul sahaja. Bahkan, yang paling penting ialah bagaimana seseorang murid mampu menghuraikan permasalahan yang terdapat dalam tajuk karangan yang mereka ingin karang. Menurut Kellogg (1996), proses penghuraian masalah dalam menulis dikenali sebagai proses memberi makna kepada teks karangan tersebut. Murid akan cuba mengarang teks karangan berdasarkan kehendak tajuk dan seterusnya memberikan makna yang menyeluruh setelah sesuatu teks karangan itu disiapkan.

Abdul Rasid (2011) menyatakan bahawa masalah menguasai kemahiran membaca dan menulis menjadikan murid lemah dan tidak berminat dalam matapelajaran Bahasa Melayu adalah akibat ketidakcekapan mereka menguasainya. Kelemahan menguasai kemahiran berbahasa ini menjadikan murid berasa rendah diri dan masalah disiplin diri semakin merosot. Sifat rendah diri akibat kegagalan yang berterusan membawa kepada konsep sendiri yang rendah. Hal ini akan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

menjejaskan keupayaan mereka untuk menguasai kemahiran bahasa yang lebih berkesan. Oleh itu, guru-guru perlu lebih bijak untuk mencari ikhtiar membantu murid-murid berbahasa dengan baik terutamanya dalam penghasilan teks karangan mereka.

Murid yang cemerlang menggunakan pelbagai strategi dan mengkoordinasi penggunaan strategi secara lebih efektif berbanding murid lemah bahasa. Analisis kognisi ini, banyak membantu murid mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka dalam penulisan teks karangan. Ia berpotensi untuk menjadi alat pembelajaran yang sangat berkuasa. Justeru, perhatian yang serius hendaklah diberikan oleh guru, murid dan pengkaji bahasa terhadap proses kognisi dalam usaha untuk membantu murid menulis teks karangan yang baik. Jika digunakan sepenuhnya ia mampu membantu semua pihak dalam usaha untuk membentuk generasi yang mahir berbahasa dengan

baik.  05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

Seperti mana yang dibincangkan pada peringkat awal tadi, semua pihak perlu sedar pentingnya menganalisis teks karangan murid bagi mengenal pasti proses kognisi yang berlangsung dan seterusnya membantu murid menghasilkan teks karangan yang lebih baik pada masa akan datang. Guru, khususnya perlu menilai karangan murid bukan hanya dari sudut penggunaan tatabahasa, pembinaan ayat yang gramatis ataupun dari format yang betul sahaja. Para guru perlu menilai sebuah karangan murid secara menyeluruh dari segi format karangan, isi-isi karangan dan yang paling penting guru perlu cuba memahami serta menyelami proses kognisi yang berlangsung semasa murid menghasilkan sesuatu teks karangan.



Penulisan karangan adalah salah satu aktiviti kognisi yang kompleks untuk dicapai oleh manusia dalam kehidupan mereka (Suppiah, 2013). Oleh yang demikian, guru seharusnya memahami keperluan untuk memahami sesebuah teks karangan murid dan mencari cara yang terbaik untuk meningkatkan kemahiran menulis dalam kalangan murid sekolah rendah. Perhatian guru yang serius dalam memenuhi tuntutan murid ini, dapat membantu mengembangkan potensi dan meningkatkan keyakinan murid untuk menulis dengan lebih baik.

Dalam kalangan murid, walaupun sudah bertahun-tahun Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar di sekolah, bahkan sebagai mata pelajaran wajib, namun semakin ramai murid yang gagal menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Menurut Rusmadi Baharuddin (1996), pendidikan yang diterima di sekolah pada hari ini kurang berupaya menjadikan murid sebagai warganegara yang menghargai dan membanggakan Bahasa Melayu. Fenomena yang berlaku tentunya bertentangan dengan matlamat pengajaran Bahasa Melayu itu sendiri yang menekankan aspek penguasaan dan penggunaan Bahasa Melayu yang lebih bermutu dalam kalangan murid.

Mohd Khir dan Marzukhi (2009) melaporkan bahawa kebanyakan murid tidak dapat menulis karangan dengan baik, jitu dan menepati kehendak soalan dalam masa yang ditetapkan. Mereka menyatakan kebanyakan murid tidak mempunyai pengetahuan yang luas tentang tajuk karangan yang ditulis dan murid tidak dapat memaparkan isi-isi yang bernas, tidak dapat menghuraikan isi dengan jelas dan tepat, serta tidak mengemukakan bukti atau contoh yang tepat dan jelas bagi setiap hujah yang dikemukakan. Mereka juga mendakwa bahawa karangan yang dipersembahkan oleh murid tidak berkembang. Murid hanya menulis satu atau dua ayat pernyataan



tentang tajuk, tetapi tidak menghuraikan tajuk itu dengan mengaitkannya dengan isu semasa. Malah, perenggan pendahuluan tidak mempunyai kaitan yang utuh dengan perenggan isi yang dihasilkan.

Selain itu, perkara yang sama juga dilakukan oleh murid dalam penulisan perenggan isi karangan di mana kebanyakan murid tidak dapat menulis perenggan isi melebihi 100 patah perkataan dan hanya menggunakan 30 hingga 40 patah perkataan sahaja. Fenomena ini berlaku mungkin juga disebabkan oleh kurangnya pembacaan bahan yang bermutu dalam kalangan murid serta kurangnya pendedahan cara-cara untuk menulis perenggan isi sesebuah karangan yang bermutu (Mohd Khir & Marzuki, 2009). Hal ini menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran menulis yang lemah dalam kalangan murid menyebabkan murid tidak berupaya untuk menulis satu karangan yang baik serta tidak dapat menyampaikan idea dengan berkesan terhadap sesuatu isu yang diketengahkan.

Tugas menulis juga merupakan aktiviti berbahasa yang agak sukar kerana menulis merupakan aktiviti mental yang kompleks dan melibatkan kemahiran menyelesaikan masalah serta kebolehan berkomunikasi. Tambahan pula, penulisan melibatkan kemahiran menulis untuk pelbagai tujuan dan konteks. Ia bukan setakat mempelajari struktur dan perbendaharaan kata sesuatu bahasa itu sahaja. Apabila kanak-kanak menulis, mereka bukanlah penerima bahasa yang pasif (*passive receptors*) tetapi berperanan sebagai interaktor aktif (*active interactors*) yang saling bertindak dengan bahasa yang digunakannya (Allen, 1991). Ianya bermaksud sepanjang penghasilan teks karangan, murid berfikir secara aktif untuk menjana idea dan seterusnya mengolah perkataan menjadi satu teks karangan yang bermakna.